

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) dan projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA). Jelaskan sebab penangguhan sekiranya ia masih tidak akan dilaksanakan dan perincian jangka masa ia akan disiapkan sekiranya projek naik taraf akan berjalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara terutama kemampuan MAHB untuk membiayai projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa sehingga tahun 2025 untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.
2. Berdasarkan perkembangan terkini dan kekurangan permintaan dalam industri penerbangan negara, projek ini akan ditangguhkan sehinggalah industri penerbangan dipulihkan. Untuk tempoh ini, Kerajaan sedang menyelesaikan beberapa isu termasuk pengambilan tanah bagi membolehkan projek naiktaraf LTAPP dilaksanakan setelah industri penerbangan pulih.
3. Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/ padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada penghujung tahun 2021 dan dijangka akan dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2023.